

# PUASA -

## MUQADDIMAH

Bulan Ramadan adalah satu bulan yang tinggi darjat dan besar martabatnya di sisi ALLah dan RasulNYA. Ia juga menjadi penghulu segala bulan. Padanyalah ALLah menfardukan puasa kepada kaum muslimin.

Firman ALLah Ta'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

{ Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. } al-Baqarah : 183

Di dalam bulan Ramadan juga diturunkan kitab suci al-Quran dan dipilih di antara malam-malamnya satu malam LailatulQadar yang lebih utama daripada seribu bulan. Seribu bulan ialah kira-kira 83 tahun. Firman ALLah dalam surah al-Baqarah ayat 185;

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

{ Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.}

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٣﴾ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ

{ Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. } al-Qadr : 1 - 3

## KELEBIHAN BULAN PUASA

RasuluLlah saw bersabda,

[ Bulan Ramadan ke bulan Ramadan, dan Jumaat ke Jumaat, dan solat ke solat menjadi Penebus Dosa di antara keduanya selama mana dijauhi dosa besar] .

[ Bulan Ramadan itu ialah bulan kesabaran, dan ganjaran kesabaran ialah syurga ]

أوله رحمة ، وأوسطه مغفرة ، وآخره عتق من النار

[ Awalnya rahmat, tengahnya pengampunan dan akhirnya bebas daripada neraka ]

## TAKRIF PUASA

Puasa pada bahasa ialah menahan. Dalam istilah syarak beerti menahan nafsu daripada segala yang membukakan puasa pada siang hari bermula dari terbit fajar Sodik hingga terbenam matahari.

## PUASA YANG WAJIB

Terdapat beberapa jenis puasa yang diwajibkan oleh ALLah ke atas umat Islam;

- a- Puasa Ramadan di bulan Ramadan al-Mubarak pada setiap tahun
- b- Puasa Nazar.
- c- Puasa Kaffarah kerana sebab-sebab berikut;
  - Jimak di siang hari bulan Ramadan.
  - Zihar (isteri diserupakan dengan ibu).
  - Melanggar sumpah.
  - Kerana membunuh manusia yang diharamkan secara disengajakan atau tersalah.

## SYARAT-SYARAT WAJIB PUASA

- 1- Islam, tidak sah ke atas orang kafir.
- 2- Berakal, tidak wajib ke atas orang gila.
- 3- Baligh, tidak wajib ke atas kanak-kanak.
- 4- Berkemampuan, tidak wajib ke atas orang yang sakit.

RasuluLlah saw bersabda,

Maksudnya, “ Diangkat pen (tuntutan hukum) daripada orang iaitu kanak-kanak hingga dia baligh, orang yang tidur hingga dia sedar dan orang gila hingga dia sembuh”.

Riwayat Abu Dawud dan Nasai

## Yang Mewajibkan Puasa

**Pertama** : Kerana telah melihat awal bulan Ramadan (Ru'yah al-Hilal) dengan pandangan mata yang zohir. Sebagaimana firman ALLah dalam surah al-Baqarah ayat 185.

Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu;

Nabi saw juga ada bersabda,

Maksudnya, “ Puasalah kamu kerana telah melihat bulan dan berbukalah kamu kerana melihat bulan; apabila bulan itu tertutup (kerana awan tebal) maka sempurnakanlah bilangan bulan Sya'ban tiga puluh hari”. Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

**Kedua** : Dengan perkiraan (hisab). ALLah berfirman,

“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya)”. [Yunus : 5 ]

Menurut Syafie untuk ( Rukyat al-Hilal) cukup dengan seorang saksi. Manakala untuk hilal berbuka sebaran harus dua orang saksi.

### **Yang Membatalkan Puasa**

Di antara perkara yang membatalkan puasa ialah;

1. Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga badan seperti lubang hidung, mulut, dubur dan telinga.
2. Jimak (persetubuhan) di siang hari Ramadan dengan kemahuan sendiri kecuali timbul *talazzuz*.
3. Muntah dengan sengaja seperti menjolok-jolok jari ke dalam kerongkong.
4. Istimna' iaitu mengeluarkan mani dengan sengaja.
5. Kedatangan haid dan nifas.
6. Gila atau pitam sepanjang hari.
7. Murtad yakni keluar daripada Islam.

### **TERTIB PUASA**

Puasa tidak sempurna tanpa mengikut tertibnya. Di antaranya ialah:

- Memelihara lidah agar tidak menipu, mencaci. Mengekang mata dan telinga daripada yang haram.
- Menahan perut daripada makan-minum haram dan syubhat. Carilah rezeki yang halal supaya berbuka puasa dengan yang halal. **Jadi, perhatikanlah apa, siapa dan di mana anda berbuka.**
- Memelihara semua anggota daripada berbuat maksiat.

Ramai mereka yang berpuasa tetapi hanya mendapat lapar dan dahaga semata-mata. Sabda Nabi saw,

[ Berapa ramai orang yang berpuasa , tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan dahaga ].

- Hendaklah tidak terlalu banyak tidur di waktu siang hari dan terlalu banyak makan di waktu malam hari.

- Meninggalkan segala kemewahan dalam makan minum sekurang-kurangnya sama seperti bulan biasa. Jangan sampai berdendam dengan puasa.
- Memperbanyak amal ibadat, zikir dan tilawah.
- Dan lain-lain.

## **RUPA DAN RUH PUASA**

Rupa Puasa ialah menahan diri dari makan minum, berjimak dan perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

Ruh Puasa ialah menahan diri dari segala jenis dosa dan larangan ALLah serta sentiasa mengerjakan yang fardu dan wajib.

## **SUNAT-SUNAT PUASA**

- Makan sahur, di dalam makan sahur adanya keberkatan.

Sabda Nabi saw,

Maksudnya, “ Bersahurlah kamu, maka sesungguhnya pada makan sahur itu ada keberkatan”. Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Waktu untuk makan sahur ialah sehingga terbit fajar Sodiq. Lihat firman ALLah di dalam surah al-Baqarah ayat 187,

“....dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar.....”

- Melewatkan makan sahur
- Segera berbuka puasa apabila masuk waktunya.
- Memperbanyakkan membaca al-Quran
- Memperbanyakkan sedekah
- Menunaikan solat Tarawih
- Mengadakan majlis Iftar ( jamuan berbuka puasa).
- Dan lain-lain.

## **KHATIMAH**

[ Apabila datang bulan Ramadan, dibukakan pintu-pintu syurga, dikunci pintu-pintu neraka dan terbelengguhlah syaitan-syaitan ] Riwayat Bukhari dan Muslim.